



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI NEW ZEALAND KE ATAS KETUA SETIAUSAHA KPKM

PUTRAJAYA, 23 MEI 2026 – Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, telah menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, TYT Michael Walsh pada 22 Mei 2026. Pertemuan ini merupakan susulan kepada sesi perbincangan terdahulu yang diadakan pada September 2025 dalam usaha memperkukuh hubungan perdagangan pertanian dua hala antara Malaysia dan New Zealand.

Rekod nilai perdagangan pertanian antara Malaysia dan New Zealand sehingga Disember 2025 mencatatkan nilai sebanyak RM5.57 bilion, di mana eksport Malaysia merangkumi bahan makanan ternakan, manakala import utama dari New Zealand terdiri daripada produk tenusu. Produk tenusu kekal sebagai komponen eksport terbesar New Zealand ke Malaysia, menyumbang kira-kira 75% daripada keseluruhan jumlah perdagangan dua hala bagi sektor tersebut.

Kedua-dua buah negara turut mengekalkan kerjasama erat melalui platform serantau dan pelbagai hala, termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia–New Zealand (MNZFTA) serta Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN–Australia–New Zealand (AANZFTA). Malaysia dan New Zealand juga akan meraikan ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik kedua-dua negara pada tahun 2027.

Dalam pertemuan tersebut, Malaysia dan New Zealand menyatakan komitmen untuk mempertingkatkan kerjasama bagi mendepani krisis bekalan bahan api dan ketidakpastian rantai bekalan makanan dunia, yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara seperti kerjasama strategik bagi sumber input kritikal pertanian termasuk baja, produk susu dan bijirin.

Malaysia turut menzahirkan keyakinan terhadap sistem kawal selia New Zealand bagi produk pertanian serta menggalakkan New Zealand untuk meneroka peluang perkongsian kepakaran dalam bidang tersebut. New Zealand juga menawarkan peluang pembangunan kapasiti bagi pegawai KPKM melalui biasiswa *ASEAN-New Zealand Manaaki* selain kerjasama sedia ada dibawah Jawatankuasa Sanitari dan Fitosanitari (SPS) MNZFTA.

Datuk Seri Isham turut menjemput pihak New Zealand ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang dijadualkan berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang dengan mengangkat tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Turut hadir dalam sesi kunjungan hormat tersebut ialah pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

